


# SYARAHAN UMUM MAJAS



11V-シア日本研究学会

MAJAS

Malaysian Association of Japanese Studies

Anjuran:



JAPAN FOUNDATION

Dengan kerjasama:



UNIVERSITI  
MALAYA



## SEJARAH PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU DI JEPUN

Untuk maklumat lanjut :

**03-7967 5631**

**majasmalaysia@gmail.com**


Sila scan QR code  
atau taipkan URL berikut  
untuk mendapatkan  
pautan ZOOM :

<https://forms.gle/V3jKyf9KaXKpjxzM8>



**22 Disember 2022**  
**Khamis**  
**9.00 ~ 11.00 pagi**





## ABSTRAK

Orang Jepun mula mempelajari Bahasa Melayu pada akhir abad ke-19. Pada awal abad ke-20 baru dibuka sekolah-sekolah untuk mengajar bahasa Melayu dan buku pelajaran bahasa Melayu pula diterbitkan. Mulalah sejarah pembelajaran bahasa Melayu di Jepun.

Penerbitan buku pelajaran bahasa Melayu dan kamus-kamus mencerminkan sejarah perkembangannya dan memperlihatkan ciri-ciri tentang pembelajaran dan keperluan masyarakat dan dasar pemerintah Jepun dari masa ke masa. Oleh kerana itu pembentangan ini mengkhususkan perkembangan pembelajaran bahasa Melayu berdasarkan jumlah terbitan buku dan kandungan buku pelajaran. Penelitian untuk pembentangan ini khususnya berdasarkan koleksi National Diet Library Japan atau Perpustakaan Nasional Jepun. Koleksi tersebut akan membawakan pandangan lain mengenai sejarah pembelajaran bahasa Melayu daripada penelitian sebelumnya.

Pembentangan ini membahas ciri-ciri buku pelajaran bahasa Melayu dalam dua masa, iaitu dari permulaan penerbitan buku pelajaran bahasa Melayu pada tahun 1910 sampai tahun 1941 waktu Perang Dunia Kedua mulai. Tahun 1942 menjadi tahun istimewa dalam penerbitan buku pelajaran, buku percakapan, buku bacaan dan kamus bahasa Melayu di Jepun. Jumlah terbitannya dalam satu tahun itu saja melebihi jumlah terbitan buku pelajaran selama tiga puluh tahun sebelumnya. Pembahasan berhenti pada tahun 1945 waktu Perang Dunia Kedua berakhir, kerana hampir tidak diterbitkan lagi judul buku baru setelah itu untuk waktu yang cukup lama.

Setelah cuba menelusuri sejarah pembelajaran bahasa Melayu di Jepun, pembentangan ini akan membahas bagaimana pemerintah dan masyarakat Jepun mengukuhkan bahasa dan identiti bangsa dalam memajukan masyarakat dan negara baik dalam usaha pengajaran bahasa asing mahupun bahasa Jepun sendiri sebagai bahasa ibunda.

## MENGENAI PROFESOR DR. MIKIHIRO MORIYAMA

- Professor of Indonesian Studies
- Dean, Faculty of Global Liberal Studies, Nanzan University
- Chief researcher, Japan Society for the Promotion of Science (JSPS) project 'A research on advanced Indonesian teaching material and developing a dictionary of Indonesian collocation'
- Colonial Print Culture: Sundanese Book Publishing in the Dutch East Indies in the early twentieth century, Lembaran Sejarah 27(2): pp. 47 – 59 (2021)
- 110 tahun pembelajaran Bahasa Melayu di Jepun: suatu sejarah persahabatan antara Malaysia dan Jepun [Learning Malay language in Japan for 110 years: a history of friendship between Malaysia and Japan], Annual ECoFI Symposium, Issues in Economics, Finance and Banking: Past, Present and Future, Universiti Utara Malaysia, 19 December 2017.